

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA: 5(A)29**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL**

29. Berapakah nilai kehilangan hasil pertanian-pertanian, penternakan dan perikanan akibat wabak COVID-19?
- (a) Apakah insentif kepada golongan petani, penternakan dan nelayan yang terjejas akibat wabak COVID-19?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

29. PERTANIAN

1. Untuk makluman, anggaran nilai kerugian yang telah dilaporkan kepada Jabatan Pertanian Negeri bagi sub-sektor tanaman dan industri asas tani adalah seperti berikut:-

| DAERAH                    | INDUSTRI ASAS TANI<br>(IAT)           |                       | TANAMAN                               |                    |
|---------------------------|---------------------------------------|-----------------------|---------------------------------------|--------------------|
|                           | ANGGARAN<br>NILAI<br>KERUGIAN<br>(RM) | BILANGAN<br>PENGUSAHA | ANGGARAN<br>NILAI<br>KERUGIAN<br>(RM) | BILANGAN<br>PETANI |
|                           | Seberang Perai<br>Utara               | 490,298.50            | 30                                    | 63,025.00          |
| Seberang Perai<br>Tengah  | 74,170.00                             | 19                    | 12,120.00                             | 3                  |
| Seberang Perai<br>Selatan | 89,360.00                             | 15                    | 3,080.00                              | 4                  |
| Barat Daya                | 94,455.00                             | 8                     | 6,300.00                              | 1                  |
| Timur Laut                | 106,720.00                            | 9                     | -                                     | -                  |
| <b>JUMLAH</b>             | <b>855,003.50</b>                     | <b>81</b>             | <b>84,525.00</b>                      | <b>15</b>          |

Antara sebab berlakunya kerugian ialah hasil tanaman tidak dapat dipasarkan apabila pusat jualan / pasar telah ditutup oleh pihak berkuasa, terdapat sekatan laluan masuk ke ladang kerana kawasan berhampiran dijadikan pusat kuarantin pesakit COVID-19 dan pemborong tidak dapat mengambil hasil yang dituai kerana

terdapat sekatan jalan raya. Begitu juga untuk hasilan IAT, di mana kebanyakan pengusaha mengalami masalah untuk memasarkan produk dan seterusnya aktiviti pemprosesan terpaksa dihentikan sementara waktu bagi mengelakkan pertambahan kos operasi.

Berbanding dengan pengusaha IAT, petani tidak mengalami kerugian yang ketara kerana kebanyakan hasil masih dapat dipasarkan, hanya harga jualan ladang lebih rendah berbanding harga sebelum tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, tetapi harga jualan masih mampu menampung kos operasi ladang dan tidak berlaku lambakan. Untuk makluman, kerugian yang dialami oleh petani adalah pada peringkat awal pelaksanaan PKP sahaja, mulai 26 Mac 2020, pihak FAMA Negeri telah bekerjasama untuk membantu petani yang menghadapi masalah pemasaran dengan mengambil hasil tanaman yang tidak dapat dipasarkan.

2. Jabatan Pertanian Negeri telah mencadangkan beberapa insentif dan bantuan bagi membantu petani dan pengusaha pemprosesan produk industri asas tani, sebagai usaha memulihkan sektor pertanian di negeri ini. Antara cadangan tersebut adalah mengecualikan bayaran sewa premis dan tapak projek pertanian bagi tempoh enam (6) bulan.

Seterusnya pihak Jabatan juga mencadangkan bantuan ehsan kepada petani dan pengusaha yang terjejas.

Pihak Jabatan akan terus menyalurkan peruntukan kepada semua petani dan pengusaha melalui agihan peruntukan pembangunan pada tahun semasa daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM4.94 juta dan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.68 juta, dengan memberi insentif dalam bentuk input pertanian, bahan mentah, benih tanaman, peralatan pertanian, kemudahan latihan dan sebagainya, bagi membantu mengurangkan kos operasi yang ditanggung oleh petani dan pengusaha.

Berkenaan Dana Jaminan Makanan oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1 bilion bagi tujuan menjamin bekalan makanan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), dana tersebut diharap dapat membantu kumpulan sasaran di sektor pertanian untuk meningkatkan hasil pengeluaran tanaman makanan domestik. Seterusnya dana berjumlah RM100 juta turut disediakan bagi kemudahan infrastruktur tempat penyimpanan dan pengagihan makanan serta program integrasi tanaman, untuk tujuan menyokong petani agar terus mengeluarkan hasil pertanian sebagai bahan makanan. Seterusnya, setiap Pertubuhan Peladang Kawasan dan

Pertubuhan Nelayan Kawasan yang berdaya maju akan menerima dana khas berjumlah antara RM100,000 hingga RM200,000 untuk membangunkan projek agromakanan jangka pendek yang boleh mengeluarkan hasil dalam tempoh tiga (3) hingga enam (6) bulan. Diharap dengan sokongan dan langkah di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dapat membantu para petani yang terjejas akibat wabak ini dan dapat memastikan bekalan makanan terjamin. Keseluruhan sokongan ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM64.4 juta daripada Kerajaan Persekutuan.

## VETERINAR

Pada peringkat awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, hanya beberapa komoditi dalam sektor ternakan yang terkesan. Ianya melibatkan pengusaha yang tiada pemasaran secara sistematik akibat daripada penutupan pasar-pasar awam, restoran-restoran makanan dan kiosk-kiosk persendirian. Nilai kehilangan hasil sektor ternakan yang dianggarkan adalah seperti berikut:-

- (i) Bagi komoditi ruminan besar (fidlot) untuk tujuan sembelihan, dianggarkan sebanyak sebanyak RM 7,393.68/hari kos makanan perlu ditanggung oleh sejumlah 51 orang penternak. Hal ini disebabkan oleh tempoh pemeliharaan yang lebih lama

dari tempoh biasa. Selain itu, terdapat juga kenaikan harga makanan ternakan ruminan yang di rekodkan pada 1 April 2020 antara tiga (3) hingga enam (6) peratus.

- (ii) Bagi komoditi ayam daging dan ayam kampung berskala tradisional, dianggarkan sebanyak RM4,320.00/hari kos makanan yang perlu ditanggung oleh sejumlah 59 orang penternak. Hal ini juga disebabkan oleh tempoh pembelaan yang lebih lama dari tempoh biasa.
- (iii) Dianggarkan sebanyak 1,100L susu (lembu / kambing) tidak dapat dijual sehari dengan nilai kerugian RM7,000 sehari kepada seramai 49 orang penternak tenusu kecil-kecilan.
- (iv) Jumlah keseluruhan nilai kehilangan sektor ternakan yang dianggarkan adalah sebanyak RM18,713.68 sehari.
  - (a) Kerajaan Negeri telah mempertimbangkan insentif / bantuan-bantuan lain mengikut keperluan yang boleh mengurangkan beban pengusaha sektor ternakan yang terkesan seperti perlanjutan tempoh kutipan hasil caj bayaran ke atas Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) untuk tujuan pemindahan bagi ternakan ruminan dan babi yang

sepatutnya berkuatkuasa pada 1 April kepada 1 Ogos 2020 di mana dijangka sejumlah 1,151 orang penternak / pengusaha terlibat di seluruh negeri dengan anggaran implikasi kewangan RM284,355.00.

## PERIKANAN

1. Bagi sektor perikanan (akuakultur), kesan ketara daripada wabak COVID-19 telah menyebabkan permintaan pasaran terhadap ikan ternakan berkurangan. Melalui Perintah Kawalan Pergerakan yang telah dikuatkuasakan ianya telah menghadkan masa operasi jualan, pasar-pasar pagi dan pasar malam tidak dibenarkan beroperasi serta banyak kedai-kedai makan *seafood* tidak beroperasi.

Hal ini telah menambahkan lagi lambakan ikan yang tidak dapat dijual. Anggaran hasil ternakan akuakultur pelbagai spesies yang tidak dapat dijual bagi bulan **Mac 2020** adalah sebanyak **2,960 tan metrik** dengan nilai **RM42,248,000.00**.

Manakala bagi sektor perikanan (tangapan), dianggarkan penurunan pendaratan ikan tangapan berlaku antara 70-90% kerana disebabkan beberapa faktor seperti kekurangan permintaan daripada peraih, pemborong dan peniaga ikan disebabkan risau dengan penularan penyakit COVID-19 serta sekatan dan

pemeriksaan yg dijalankan oleh pihak berkuasa. Selain itu faktor waktu operasi menangkap ikan yang singkat juga menyumbang kepada pengurangan tangkapan ikan. Bagi vesel pukut tunda zon C pula menghadapi masalah tidak dapat beroperasi disebabkan tiada pekerja kru asing yang kebanyakannya dari Thailand tidak dapat datang kembali ke Malaysia apabila arahan tutup pintu sempadan dikeluarkan oleh pihak kerajaan.

2. Bentuk dan jumlah insentif kepada golongan penternak akuakultur dan nelayan yang terjejas wabak COVID-19 adalah masih belum diputuskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Sekiranya peruntukan diluluskan dan disalurkan kepada Jabatan Perikanan, bentuk insentif yang biasa diberikan adalah dalam bentuk input yang berupa benih atau pun makanan ikan. Manakala bagi nelayan pula akan diberikan kemudahan peralatan khususnya kepada nelayan tradisional. Selain itu bantuan seperti peralatan dan kelengkapan bahan pembinaan peranti pengumpul ikan (unjam) khususnya bagi Komuniti Perikanan (myKP) dan juga pembekalan kabin dan *Fisheries Transformation Centre* (FTC) myKP dan kelengkapan asas FTC seperti rak dokumen, kerusi dan meja juga



disediakan sebagai sokongan kepada pihak komuniti nelayan yang terkesan secara langsung akibat penularan wabak COVID-19 ini.